

**Embargo sehingga jam 1200,
 Isnin, 5 November 2018**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN SEPTEMBER 2018 DAN TEMPOH JANUARI-SEPTEMBER 2018 #

Lebihan Dagangan Bernilai RM15.26 Bilion, Tertinggi Sejak Oktober 2008

Malaysia merekodkan jumlah perdagangan sebanyak **RM150.83 bilion pada bulan September 2018**, kenaikan sebanyak 2.3% berbanding September 2017. Peningkatan perdagangan dapat dilihat dengan rakan dagang utama seperti Hong Kong SAR, ASEAN, Taiwan, Australia, Arab Saudi dan Amerika Syarikat (AS).

Bagi perbandingan tahun ke tahun, eksport pada bulan September 2018 berkembang 6.7% kepada **RM83.05 bilion**, mengekalkan nilai bulanan mele过asi paras **RM80 bilion**. Import Malaysia menyusut 2.7% kepada **RM67.78 bilion**. Lebihan dagangan mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 85.9%, mencapai nilai **RM15.26 bilion**, iaitu **lebihan dagangan tertinggi dicatatkan sejak Oktober 2008**. Lebihan ini merupakan lebihan dagangan yang ke-251 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport dan lebihan dagangan masing-masing berkembang sebanyak 1.5% dan 846.3%. Manakala, jumlah perdagangan dan import masing-masing menyusut 6.9% dan 15.5%.

Jumlah perdagangan pada suku ketiga 2018 (S3 2018) berjumlah RM476.82 bilion, perkembangan sebanyak 5.7% berbanding S3 2017. Eksport pada suku ini bernilai RM251.01 bilion, 5.2% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lalu dan import meningkat 6.3% kepada RM225.81 bilion. Lebihan dagangan bagi S3 2018 direkodkan dengan nilai RM25.2 bilion, turun 4.1% berbanding RM26.28 bilion yang dicatatkan pada S3 2017.

Berbanding S2 2018, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 3%, 2.5% dan 3.7%, manakala lebihan dagangan turun 7.1%.

Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2018, jumlah perdagangan berkembang 5.5% kepada RM1.382 trillion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport tumbuh 6.3% kepada RM733.61 bilion manakala import naik dengan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 4.7% kepada RM647.89 bilion. Lebihan dagangan bagi tempoh ini meningkat 20.4% kepada RM85.72 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Diterajui oleh Barang Perkilangan dan Hasil Galian

Eksport barang perkilangan pada September 2018 naik 7.9% tahun ke tahun kepada RM70.32 bilion dan merangkumi 84.7% daripada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli serta barang optik dan saintifik.

Eksport hasil galian yang merangkumi 7.9% daripada jumlah eksport Malaysia meningkat 17% kepada RM6.53 bilion. Peningkatan eksport telah direkodkan bagi petroleum mentah berikutan Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti eksport yang lebih tinggi serta LNG, yang meningkat berikutan AUV yang tinggi.

Eksport keluaran pertanian yang merangkumi 6.8% daripada jumlah eksport menguncup 10.7% kepada RM5.64 bilion. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, terutamanya minyak sawit, berikutan penurunan AUV.

Barangan eksport utama pada September 2018:

- Barangan E&E bernilai RM32.88 bilion, merangkumi 39.6% daripada jumlah eksport, meningkat 6.5% berbanding September 2017;
- Keluaran petroleum, RM6.42 bilion, 7.7% daripada jumlah eksport, naik 6.8%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.89 bilion, 5.9% daripada jumlah eksport, bertambah 31.7%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM3.78 bilion, 4.6% daripada jumlah eksport, turun 16.5%; dan
- Barangan perkilangan logam, RM3.18 bilion, 3.8% daripada jumlah eksport, turun 2.2%.

Berbanding Ogos 2018, eksport barangan perkilangan dan keluaran pertanian masing-masing meningkat 2.7% dan 6.5%, manakala eksport hasil galian menyusut 12.6%.

Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2018, eksport barangan perkilangan yang mewakili 83.8% daripada jumlah eksport berkembang 8.8% kepada RM614.52 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan E&E, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam, barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan serta barangan besi dan keluli. Eksport hasil galian meningkat 4.6% kepada RM62.4 bilion (8.5% syer), disokong terutamanya oleh pertambahan eksport petroleum mentah. Manakala, eksport keluaran pertanian berkurang 13.5% kepada RM50.56 bilion (6.9% syer), berikutan penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Prestasi Pasaran Utama***Perkembangan Perdagangan yang Mampan dengan ASEAN***

Perdagangan dengan ASEAN pada September 2018 berkembang 3% tahun ke tahun kepada RM41.93 bilion dan merangkumi 27.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport berjumlah RM23.63 bilion, naik 6.2%, berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barangan E&E, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan,

barangan besi dan keluli serta LNG. Import dari ASEAN turun 0.8% kepada RM18.3 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN pada September 2018:

- Singapura RM 12.22 bilion, **naik** 8.7%
- Thailand RM 4.16 bilion, ↑7.5%
- Indonesia RM 2.74 bilion, ↓1.8%
- Viet Nam RM 2.55 bilion, ↑7.5%
- Filipina RM 1.48 bilion, ↑5.1%
- Myanmar RM 177.8 juta, ↓33.9%
- Brunei RM 177.3 juta, ↓0.4%
- Kemboja RM 116.1 juta, ↑11.5%
- Lao PDR RM 2.7 juta, ↓50.3%

Eksport ke beberapa pasaran dalam ASEAN merekodkan peningkatan iaitu **Singapura** yang berkembang RM974.7 juta, **Thailand** (↑RM291.8 juta) dan **Viet Nam** (↑RM178.5 juta), kesemuanya berikutan eksport yang lebih tinggi bagi barang E&E.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport meningkat 2%, manakala perdagangan dan import masing-masing mencatatkan penurunan 3.4% dan 9.7%.

Bagi tempoh 9 bulan pertama 2018, perdagangan dengan ASEAN berkembang 3.6% kepada RM373.63 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke rantau ini meningkat 3.4% kepada RM208.59 bilion didorong oleh kenaikan eksport barang E&E, petroleum mentah, kelengkapan pengangkutan dan barang perkilangan logam. Import naik 4% kepada RM165.04 bilion.

Perdagangan yang Kukuh Dengan China Bagi 9 Bulan Pertama

Pada September 2018, perdagangan dengan China yang merangkumi 16.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia turun 0.9% tahun ke tahun kepada RM24.45 bilion. Eksport ke China merekodkan penyusutan marginal sebanyak 0.6% kepada RM11.32 bilion berbanding bulan yang sama tahun lalu. Ini adalah berikutan eksport yang lebih rendah bagi barang E&E, minyak sawit dan keluaran pertanian

berasaskan minyak sawit serta keluaran getah. Walau bagaimanapun, kimia dan bahan kimia, LNG, barang perkilangan logam serta barang optik dan saintifik mencatatkan kenaikan bagi bulan ini. Import dari China berkurang 1.2% kepada RM13.13 bilion.

Berbanding Ogos 2018, perdagangan, eksport dan import masing-masing turun sebanyak 14.8%, 4.3 dan 22.2%.

Perdagangan dengan China bagi 9 bulan pertama 2018 berkembang 8.4% kepada RM230.64 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Bagi tempoh ini, eksport ke China mengukuh sebanyak 9.6% kepada RM100.63 bilion, didorong oleh kenaikan eksport bagi barang E&E, kimia dan bahan kimia, barang perkilangan logam serta LNG. Import dari China naik 7.4% kepada RM130.01 bilion.

EU – Pertumbuhan Eksport Kekal Kukuh Bagi 9 Bulan Pertama

Perdagangan Malaysia dengan EU pada September 2018 berjumlah RM13.93 bilion atau merangkumi 9.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia, berkurang 0.7% berbanding September 2017. Eksport meningkat 3.1% kepada RM8.24 bilion, hasil peningkatan eksport bagi barang perkilangan berasaskan minyak sawit, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, kimia dan bahan kimia serta barang besi dan keluli. Import turun 5.8% kepada RM5.69 bilion.

Di antara 10 pasaran utama yang merangkumi 89.9% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, 6 negara mencatatkan pertumbuhan iaitu Sepanyol (\uparrow 128.6%), Itali (\uparrow 50.8%), Perancis (\uparrow 13.1%), Poland (\uparrow 15.5%), Hungary (\uparrow 10.2%) dan Belgium (\uparrow 1.3%).

Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport meningkat 7.9%, manakala perdagangan dan import masing-masing turun 11.2% dan 29.4%.

Bagi tempoh Januari-September 2018, perdagangan dengan EU naik 8.1% kepada RM137.54 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport meningkat 5.2%

kepada RM74.58 bilion, disumbang oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli serta keluaran getah. Import dari EU bertambah 11.8% kepada RM62.96 bilion.

Eksport ke AS Kekal Positif

Perdagangan Malaysia dengan AS pada September 2018 merekodkan pertumbuhan 3.3% kepada RM13.24 bilion dan merangkumi 8.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport berjumlah RM7.68 bilion, peningkatan marginal sebanyak 0.1% berbanding September 2017, didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang optik dan saintifik, keluaran getah, kimia dan bahan kimia serta barang besi dan keluli. Import berkembang 8.1% kepada RM5.56 bilion.

Berbanding Ogos 2018, perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut 4.7%, 1.4% dan 9%.

Bagi tempoh Januari-September 2018, perdagangan dengan AS bernilai RM114.74 bilion, penurunan secara marginal sebanyak 0.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2017. Eksport ke AS naik sebanyak 1.1% kepada RM66.86 bilion disokong oleh kenaikan eksport barang optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan serta barang perkilangan logam. Import dari AS turun 3.6% kepada RM47.88 bilion.

Jepun – Eksport Bulan ke Bulan Tumbuh 10%

Pada September 2018, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia merekodkan penguncutan 7.3% tahun ke tahun kepada RM10.4 bilion. Eksport ke Jepun turun 10.6% tahun ke tahun kepada RM5.27 bilion, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport LNG dan barang E&E. Walau bagaimanapun, kenaikan eksport direkodkan bagi keluaran petroleum, barang besi dan keluli, barang perkilangan logam serta bijih logam dan serpihan logam. Import dari Jepun turut berkurang, iaitu sebanyak 3.7% kepada RM5.13 bilion.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport meningkat 0.9% dan 10%, manakala import berkurang 7%.

Bagi tempoh 9 bulan pertama tahun 2018, perdagangan dengan Jepun bernilai RM97.64 bilion, pengurangan 5.8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke Jepun bernilai RM50.46 bilion, berkurang 10.9% disebabkan oleh penurunan eksport LNG, barang E&E serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport direkodkan bagi barang besi dan keluli, kimia dan bahan kimia, barang perkilangan logam, keluaran petroleum serta barang galian bukan logam. Import dari Jepun naik secara marginal sebanyak 0.3% kepada RM47.18 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada September 2018, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 61.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia turun secara marginal sebanyak 0.3% kepada RM93.4 bilion. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM49.82 bilion, kenaikan sebanyak 3% tahun ke tahun dan import berkurang 3.8% kepada RM43.59 bilion.

Peningkatan eksport telah dicatatkan ke **Australia** yang mencatatkan perkembangan sebanyak 23% kepada RM2.89 bilion, disumbang khasnya oleh kenaikan eksport petroleum mentah, **Republik Korea (ROK)** (\uparrow 20.9% kepada RM2.63 bilion, keluaran petroleum) dan **New Zealand** (\uparrow 101.4% kepada RM478 juta, petroleum mentah).

Berbanding Ogos 2018, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 6.8%, 0.9% dan 12.8%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi 9 bulan pertama 2018 yang merangkumi 62.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 3.2% kepada RM858.7 bilion. Eksport bernilai RM448.98 bilion, naik 3.2% dan import berjumlah RM409.72 bilion, berkembang 3.2%.

Pasaran Lain yang Mencatatkan Peningkatan Eksport

Pada September 2018, **antara pasaran lain yang mencatatkan peningkatan eksport yang ketara adalah Hong Kong SAR dan Taiwan.** Eksport ke **Hong Kong SAR** berkembang 48.7% tahun ke tahun kepada RM6.81 bilion, didorong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi barang E&E. Eksport ke **Taiwan** melonjak sebanyak 52.9% kepada RM3 bilion, disumbang oleh peningkatan eksport barang E&E serta keluaran petroleum.

Prestasi Eksport Domestik

Pada bulan September 2018, eksport domestik yang menyumbang 80.1% daripada jumlah eksport Malaysia naik 2.7% tahun ke tahun kepada RM66.51 bilion. Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport domestik turun 2.7%. Bagi tempoh 9 bulan pertama 2018, eksport domestik mencatatkan penyusutan marginal 0.3% kepada RM584.8 bilion.

Prestasi Eksport Semula (re-exports)

Pada bulan September 2018, eksport semula berjumlah RM16.54 bilion, berkembang sebanyak 26.2% tahun ke tahun. Bagi perbandingan bulan ke bulan, eksport semula naik 22.7%. Bagi tempoh Januari-September 2018, eksport semula meningkat 43.8% kepada RM148.81 bilion.

Prestasi Import

Pada bulan September 2018, **import turun 2.7% tahun ke tahun kepada RM67.78 bilion.** Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 71.2% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM35.8 bilion atau 52.8% daripada jumlah import, berkurang 9.3% berikutan pengurangan import kelengkapan dan

aksesori barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan), terutamanya jentera, kelengkapan dan peralatan elektrik;

- **Barang modal**, bernilai RM7.29 bilion atau 10.7% daripada jumlah import, menyusut 25.2%, berikutan import yang lebih rendah bagi kelengkapan pengangkutan bagi kegunaan industri, khasnya kapal, bot dan struktur terapung; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM5.15 bilion atau 7.6% daripada jumlah import, turun 10%, hasil pengurangan import bahan separa tahan lama, terutamanya pakaian dan aksesori pakaian dikait.

Bagi tempoh Januari-September 2018, import bernilai RM647.89 bilion, berkembang 4.7% berbanding tempoh yang sama tahun 2017. **Import barang pengantara** bernilai RM341.29 bilion, menurun 5.5%, **barang modal** (RM82.68 bilion, ↓0.9%) dan **barang penggunaan** (RM53.17 bilion, ↑1.6%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangang didefinisikan sebagai “barangang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Isnin, 5 November 2018 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- # Data bulan September 2018 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport (RM Juta)</u>	<u>Eksport Domestik (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Imbangan Perdagangan (RM Juta)</u>
2017^f					
Januari	70,309.4	60,008.2	65,439.6	135,749.0	4,869.8
Februari	71,979.3	61,009.7	63,058.5	135,037.8	8,920.8
Mac	82,890.9	70,496.5	77,240.3	160,131.2	5,650.6
April	74,243.4	63,322.0	65,210.7	139,454.2	9,032.7
Mei	79,216.0	65,830.9	72,973.4	152,189.4	6,242.6
Jun	72,823.6	63,268.5	62,627.4	135,451.0	10,196.2
Julai	78,747.8	66,719.6	70,589.6	149,337.4	8,158.3
Ogos	82,024.8	71,217.9	72,113.0	154,137.9	9,911.8
September	77,861.5	64,752.0	69,650.4	147,511.9	8,211.1
Oktober	81,862.2	67,372.9	71,851.1	153,713.3	10,011.1
November	83,485.9	70,744.2	73,551.9	157,037.8	9,934.1
Disember	79,482.0	67,384.1	72,116.3	151,598.2	7,365.7
2017 (Jan-Dis)^f	934,926.8	792,126.5	836,422.2	1,771,349.0	98,504.6
2018^p					
Januari	82,820.1	65,419.1	73,152.8	155,972.8	9,667.3
Februari	70,342.6	55,811.6	61,325.0	131,667.5	9,017.6
Mac	84,467.0	68,375.8	69,778.7	154,245.7	14,688.3
April	84,246.7	64,119.8	71,225.2	155,472.0	13,021.5
Mei	82,110.4	65,854.6	73,993.6	156,104.0	8,116.8
Jun	78,610.8	62,876.2	72,609.9	151,220.7	6,000.9
Julai	86,154.4	67,502.1	77,827.4	163,981.8	8,327.0
Ogos	81,810.2	68,332.9	80,197.1	162,007.3	1,613.1
September	83,049.0	66,510.7	67,784.2	150,833.2	15,264.8
2017^f					
S1	225,179.6	191,514.4	205,738.4	430,917.9	19,441.2
S2	226,283.0	192,421.3	200,811.6	427,094.5	25,471.4
S3	238,634.1	202,689.5	212,353.0	450,987.1	26,281.2
S4	244,830.1	205,501.2	217,519.3	462,349.4	27,310.8
2018^p					
S1	237,629.6	189,606.5	204,256.4	441,886.1	33,373.2
S2	244,968.0	192,850.6	217,828.8	462,796.7	27,139.2
S3	251,013.6	202,345.6	225,808.7	476,822.2	25,204.9
2017 (Jan-Sep)^f	690,096.7	586,625.3	618,902.9	1,308,999.6	71,193.8
2018 (Jan-Sep)^p	733,611.2	584,802.7	647,893.9	1,381,505.0	85,717.3

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Sep 2018 ^p	Ogos 2018 ^p	Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	83,049.0	81,810.2	77,861.5
Barangan Elektrik & Elektronik	32,875.5	32,037.1	30,872.3
Keluaran Petroleum	6,415.3	5,074.3	6,004.9
Kimia & Bahan Kimia	4,888.1	4,990.6	3,710.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,784.5	3,309.0	4,531.0
Barangan Perkilangan Logam	3,181.4	3,323.8	3,253.1
Barangan Optik & Saintifik	3,142.9	3,134.9	2,688.9
LNG	3,142.2	3,162.8	3,087.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,074.8	3,215.1	3,020.7
Petroleum Mentah	2,695.3	3,293.6	1,744.8
Keluaran Getah	2,106.1	2,295.2	2,080.2

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Sep 2018 ^p	Ogos 2018 ^p	Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	83,049.0	81,810.2	77,861.5
Singapura	12,223.2	11,783.5	11,248.5
China	11,321.7	11,828.0	11,393.9
AS	7,681.1	7,792.7	7,675.8
Hong Kong SAR	6,808.5	5,900.2	4,579.1
Jepun	5,265.2	4,786.8	5,891.6
Thailand	4,158.7	4,612.0	3,866.9
Taiwan	2,996.8	3,140.1	1,960.5
Australia	2,889.6	2,981.2	2,350.1
Indonesia	2,740.8	2,338.7	2,791.2
India	2,653.3	3,051.6	2,621.2

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTMBER)

Barangan	Jan-Sep 2018 ^p	Jan-Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	733,611.2	690,096.7
Barangan Elektrik & Elektronik	278,451.3	251,487.7
Keluaran Petroleum	55,874.4	54,200.6
Kimia & Bahan Kimia	41,657.4	34,684.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	33,922.3	40,284.1
Barangan Perkilangan Logam	33,516.0	27,451.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	30,605.8	30,465.1
LNG	27,385.6	30,643.5
Petroleum Mentah	26,724.9	20,255.8
Barangan Optik & Saintifik	26,508.4	23,612.0
Keluaran Getah	19,515.0	19,751.6

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTMBER)

Pasaran	Jan-Sep 2018 ^p	Jan-Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	733,611.2	690,096.7
Singapura	100,850.8	101,511.6
China	100,630.1	91,828.0
AS	66,862.4	66,167.1
Hong Kong SAR	54,841.4	32,340.3
Jepun	50,456.8	56,603.0
Thailand	41,690.9	37,009.6
India	27,324.4	26,518.9
Viet Nam	24,896.6	20,183.8
ROK	24,157.3	19,451.0
Indonesia	23,897.0	25,017.4

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S3 2018 ^p	S2 2018 ^p	S3 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	251,013.6	244,968.0	238,634.1
Barangan Elektrik & Elektronik	99,408.2	90,918.5	89,836.1
Keluaran Petroleum	17,693.9	20,742.2	18,354.8
Kimia & Bahan Kimia	14,671.1	13,603.9	11,798.0
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	10,575.8	10,945.9	13,539.2
Barangan Perkilangan Logam	10,252.1	13,062.5	9,677.2
Petroleum Mentah	9,810.7	8,374.0	5,751.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	9,805.0	10,432.6	9,929.9
Barangan Optik & Saintifik	9,392.7	8,674.6	8,448.6
LNG	8,724.2	8,708.1	11,097.7
Keluaran Getah	6,674.5	6,407.9	6,568.2

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Pasaran	S3 2018 ^p	S2 2018 ^p	S3 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	251,013.6	244,968.0	238,634.1
China	36,072.2	35,373.7	32,104.7
Singapura	35,915.3	32,773.0	35,411.7
AS	23,220.0	21,517.1	22,888.1
Hong Kong SAR	19,159.9	17,774.0	11,935.2
Jepun	15,403.0	15,806.2	18,555.7
Thailand	13,723.6	14,339.7	12,531.1
India	9,276.3	8,629.2	9,131.8
Australia	8,690.7	7,605.3	7,678.6
Taiwan	8,621.3	8,117.2	6,450.8
ROK	8,441.4	7,853.2	6,859.8

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Sep 2018 ^p	Ogos 2018 ^p	Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	67,784.2	80,197.1	69,650.4
Barangan Elektrik & Elektronik	21,248.5	24,897.7	22,266.4
Kimia & Bahan Kimia	7,147.2	7,347.8	6,221.9
Keluaran Petroleum	7,093.6	5,570.2	6,000.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,216.0	6,918.1	6,403.7
Barangan Perkilangan Logam	3,529.3	4,007.5	4,118.4
Barangan Besi & Keluli	2,529.7	2,789.5	2,295.3
Kelengkapan Pengangkutan	2,256.2	4,767.0	3,435.0
Barangan Optik & Saintifik	1,949.8	2,183.8	2,004.3
Barangan Makanan Diproses	1,512.7	1,889.0	1,422.4
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,162.7	1,960.3	1,394.6

JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT

Pasaran	Sep 2018 ^p	Ogos 2018 ^p	Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	67,784.2	80,197.1	69,650.4
China	13,129.9	16,870.8	13,289.5
Singapura	9,202.5	8,743.8	8,550.5
AS	5,562.4	6,110.2	5,143.6
Taiwan	5,362.7	6,077.4	5,224.9
Jepun	5,130.9	5,518.2	5,327.6
Thailand	3,898.8	4,491.8	3,981.2
ROK	3,038.4	3,158.4	3,617.7
Indonesia	2,934.7	3,780.6	2,910.2
India	1,922.9	1,906.1	2,648.5
Jerman	1,900.9	2,396.3	1,905.1

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER)

Barangan	Jan-Sep 2018 ^b	Jan-Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	647,893.9	618,902.9
Barangan Elektrik & Elektronik	194,048.0	187,269.3
Kimia & Bahan Kimia	61,028.3	55,561.9
Keluaran Petroleum	60,710.5	55,764.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	55,006.2	57,724.4
Kelengkapan Pengangkutan	33,933.4	29,340.2
Barangan Perkilangan Logam	33,827.7	32,022.4
Barangan Besi & Keluli	23,475.8	20,365.9
Barangan Optik & Saintifik	17,317.1	18,611.3
Petroleum Mentah	15,948.2	11,785.2
Barangan Makanan Diproses	14,515.1	15,362.0

JADUAL 11: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTEMBER)

Pasaran	Jan-Sep 2018 ^b	Jan-Sep 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	647,893.9	618,902.9
China	130,011.2	121,024.4
Singapura	75,936.4	67,034.8
AS	47,881.6	49,671.1
Jepun	47,182.4	47,048.8
Taiwan	46,771.0	40,430.3
Thailand	36,172.6	35,917.0
Indonesia	29,280.2	28,421.7
ROK	28,501.1	30,411.6
Jerman	19,563.3	18,734.4
India	18,453.8	19,740.6

JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S3 2018 ^p	S2 2018 ^p	S3 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	225,808.7	217,828.8	212,353.0
Barangan Elektrik & Elektronik	69,645.4	63,263.7	67,083.4
Kimia & Bahan Kimia	21,886.8	20,244.0	19,028.1
Keluaran Petroleum	19,973.1	22,130.4	20,185.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	18,381.8	18,491.8	19,570.8
Barangan Perkilangan Logam	11,541.0	10,733.2	11,570.6
Kelengkapan Pengangkutan	10,986.2	11,766.8	9,558.5
Barangan Besi & Keluli	8,045.8	8,274.9	6,676.0
Barangan Optik & Saintifik	6,130.0	5,835.8	6,351.3
Petroleum Mentah	5,991.9	5,804.9	2,974.8
Barangan Makanan Diproses	5,097.8	4,640.6	4,938.6

JADUAL 13: PASARAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Pasaran	S3 2018 ^p	S2 2018 ^p	S3 2017 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	225,808.7	217,828.8	212,353.0
China	45,390.1	44,868.9	41,545.1
Singapura	26,799.8	24,438.8	26,347.1
Taiwan	17,512.8	15,962.8	14,932.8
AS	17,406.0	14,969.2	15,816.2
Jepun	16,023.2	16,030.1	16,236.1
Thailand	12,438.5	12,124.6	12,010.8
Indonesia	10,512.0	9,168.7	8,780.3
ROK	9,210.5	10,315.3	9,955.6
Jerman	6,558.2	6,425.1	6,445.3
India	6,363.1	5,864.0	6,624.3

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2012 - September 2018